

Hanya 3 lokasi di KL boleh salur sumbangan Ramadan

KUALA LUMPUR - Pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan orang perseorangan di ibu negara disaran menyalurkan sumbangan atau makanan sempena Ramadan di tiga lokasi yang ditetapkan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa berkata, lokasi tersebut ialah Anjung Kembara Pusat Transit Gelandangan Kuala Lumpur, Pusat Khidmat Gelandangan Medan Tuanku dan Pusat Pembelajaran Komuniti Chow Kit.

"Ketiga-tiga lokasi khas ini diwujudkan sebagai inisiatif kawalan kepada kualiti makanan dan dalam masa sama menjaga kebersihan di sekitar Kuala Lumpur," katanya kepada pemberita selepas menyertai Operasi Bersepadu Menyelamatkan Gelandangan di sekitar ibu negara, awal pagi Sabtu.

Jelas Dr Zaliha, sehingga kini, terdapat 10 NGO yang menjadi rakan kolaborasi DBKL bagi pengagihan makanan di Pusat Khidmat Gelandangan Medan Tuanku dan Pusat Pembelajaran Komuniti Chow Kit manakala 16 lagi NGO merupakan rakan kolaborasi Yayasan Kebajikan Negara (YKN) di Anjung Kembara.

"Kita tidak boleh melarang NGO yang ingin beri bantuan, cuma kita minta kerjasama daripada mereka dan sekiranya ingin menyumbang, boleh berurusan dengan Jabatan Pembangunan Komuniti dan Kesejahteraan Bandar DBKL," ujarnya. - *Bernama*